


Wednesday, 20 February 2013

KENYATAAN MEDIA



S.P.A.D. BUKA PEJABAT DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 20 FEBRUARI 2013 ? Dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam darat di Negara ini, S.P.A.D. hari ini telah membuka secara rasmi sebuah pejabat di Negeri Pulau Pinang. Perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi S.P.A.D., Tan Sri Syed Hamid Albar.

Pembukaan pejabat baru ini membuktikan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pemegang berkepentingan.

Pejabat baru ini yang terletak di kawasan Bayan Baru dan ia bakal memberikan kemudahan kepada lebih 7 ribu pengendali pengangkutan awam darat di Pulau Pinang. Pejabat ini juga berperanan untuk membantu dalam perancangan pengangkutan bersepadu dan merangka strategi pengurusan trafik selain daripada merancang pelan prasarana pengangkutan awam untuk penduduk Pulau Pinang.

Menurut Syed Hamid, ?sebelum ini, pengendali pengangkutan awam di Pulau Pinang terpaksa pergi ke pejabat S.P.A.D. di Sungai Petani untuk berurusan. Ini telah menyebabkan pengendali terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk berurusan dengan S.P.A.D. Kini urusan pelesenan boleh dilakukan di pejabat S.P.A.D. yang serba baru dan mempunyai banyak tempat letak kereta. Walaubagaimanapun, pejabat S.P.A.D. di Sungai Petani masih beroperasi seperti biasa?.

Antara urusan yang boleh dilakukan di pejabat baru ini adalah memohon lesen baru, membarui lesen, menukar syarat permit, memohon Lesen Perubahan Sementara dan kad pemandu.

Dengan pembukaan pejabat ini, S.P.A.D. kini mempunyai enam pejabat utama iaitu di Platinum Sentral (Kuala Lumpur), Putrajaya, Sungai Petani, Muar, Kuala Terengganu dan Pulau Pinang.

?Kepada orang awam, anda boleh datang ke pejabat ini jika ingin membuat sebarang aduan atau mendapatkan maklumat berkaitan pengangkutan awam darat. Sumbangan idea dan maklumat dari orang awam amatlah dialu-alukan dalam usaha S.P.A.D. mentransformasikan lanskap pengangkutan awam darat Pulau Pinang ini, khususnya?, tambah Syed Hamid lagi.

Alamat Pejabat S.P.A.D., Negeri Pulau Pinang:

One Precinct,
1C-1-01, Lengkok Mayang Pasir,
11950 Pulau Pinang
Tel: 04 - 638 4771
Fax: 04 - 638 4770

SPAD Buka Pejabat di Pulau Pinang [1]

Source URL: <http://www.spad.gov.my/news-events/media-releases/2013/spad-buka-pejabat-di-pulau-pinang>

Links

[1] <http://www.spad.gov.my/news-events/media-releases/2013/spad-buka-pejabat-di-pulau-pinang>